

TALKING POINT
PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN SAHIB
NAIB CANSELOR

MAJLIS PENUTUP
KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA KALI KE-2
20 JANUARI 2016 (RABU); 8.00 MALAM
LOBI FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN, KAMPUS TEKNOLOGI

Y.Bhg Prof. Datuk Prof. Dr. Mohd Razali bin Muhammad

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Dr. Izaidin Bin Abdul Majid

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar),

Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Zolkepli Bin Buang

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Panel-panel Hakim dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan KZK Consulting.

Para peserta Konvensyen KIK yang diraikan

Serta Hadirin dan Hadirat yang dikasihi sekalian.

PENGENALAN

- i. Syukur ke hadrat Allah SWT di atas nikmat dan kurnuaNya kita dapat bersama dalam Majlis Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UTeM kali kedua pada malam ini.
- ii. Terima kasih dan tahniah kepada Pejabat Pendaftar selaku sekretariat penganjuran Konvensyen KIK.
- iii. Penyertaan Konvensyen KIK 2016 terdiri daripada 8 kumpulan dari 7 PTj iaitu dua kumpulan dari FTK, 1 kumpulan dari Pejabat Pendaftar, Pejabat Pembangunan, Penerbit Universiti, FKM, FKP dan FKE.

PENGANJURAN KONVENSYEN KIK

- i. Merupakan satu inisiatif penting dalam membentuk budaya kerja yang kreatif dan inovatif, yang memberi kesan yang amat positif kepada organisasi
- ii. KIK mempercepatkan proses dan masa, meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan.
- iii. Menyokong hasrat universiti untuk mengoptimumkan sumber sedia ada,
- iv. Turut menyokong dasar penjimatan dalam perbelanjaan pengurusan Universiti dengan lebih teliti, cekap, berkesan dan mempunyai *value for money*.

KEJAYAAN KUMPULAN KIK

- i. Kejayaan dua kumpulan iaitu techITez dari Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi dengan projek Sistem Pendaftaran Pintar Pelajar Baharu (iReg).
- ii. Menerusi projek ini, sistem pendaftaran pelajar baharu telah berjaya dipendekkan kepada purata 4 minit sahaja
- iii. Projek ini telah mendapat pengiktirafan dan penarafan dari pelbagai agensi seperti penarafan emas dan tempat kedua bagi kategori pengurusan di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan tempat kedua bagi kategori pengurusan pada Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

- iv. Kumpulan KIK kedua ialah Molia dari Perpustakaan dengan projek Eureka Tag dengan projek pengurusan bilik karek yang lebih berkesan dan sistematik.
- v. Pencapaian Molia ialah penarahan perak di Konvesyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Universiti Awam, penarafan emas tiga bintang di National Team Excellence on Innovative Creative Circle (ICC) Convention, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).
- vi. Jadikan kecemerlangan ini sebagai satu dorongan kepada warga universiti selain dapat melahirkan bakat dan modal insan yang lebih kreatif dan inovatif.

SOKONGAN BERTERUSAN

- i. Pihak pengurusan Universiti akan terus menyokong program KIK kerana kebaikan dan kelebihannya kepada warga dan organisasi sendiri.
- ii. KIK bukan sahaja memberi manfaat dalam pembangunan universiti yang malah turut memberi manfaat kepada persekitaran dan masyarakat di sekelilingnya.
- iii. Fokus juga perlu diberikan terhadap penghasilan produk inovatif yang dapat membantu masyarakat untuk menjadi inovatif dalam berhadapan dengan cabaran kehidupan yang kompleks.

PENUTUP

- i. Ucapan tahniah sekali lagi kepada penganjur juga kepada para peserta kumpulan KIK yang bertanding dalam konvensyen pada kali ini.
- ii. Peserta KIK perlu bekerja keras untuk membawa nama UTeM terus unggul di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- iii. Bagi kumpulan yang memenangi anugerah pada malam ini, jadikanlah ia satu permulaan untuk terus menjana idea-idea lebih kreatif dan inovatif demi pembangunan dan pencapaian yang lebih cemerlang

iv. Pantun:

Jauh merantau di negeri orang
Mencari ilmu dibawa pulang
Teruskan usaha mencipta gemilang
Mengharum UTeM dipersada terbilang

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya menutup Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif UTeM kali kedua tahun 2016.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah. Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih.